



**KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS**

Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>
(Official Portal)

Ruj. Kami : JPT/GS 1000-617 Jld. 1 (15)
Tarikh : 5 April 2015

Semua Ketua Eksekutif IPTS

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PENANGGUHAN PENGUATKUASAAN SYARAT KELAYAKAN MASUK PERINGKAT DIPLOMA MENGGUNAKAN SIIL PEPERIKSAAN MALAYSIA (SPM) DENGAN 5 KREDIT BAGI PROGRAM SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat jabatan ini JPT/GS 1000-617 Jld. 1 (7) bertarikh 31 Disember 2014 adalah berkaitan .

2. Standard Program Bidang Sains Perubatan dan Kesihatan telah menetapkan syarat kelayakan masuk ke peringkat diploma menggunakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah minimum 5 kredit. Akan tetapi, pelaksanaannya telah ditangguhkan sehingga Mei 2016, kecuali bagi kursus Diploma Kejururawatan, perlu menggunakan SPM 5 kredit.

3. Jabatan ini telah menerima pemakluman daripada Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia, bahawa *Standards and Guidelines for Medical Assistant Education Programme 2010* telah menetapkan syarat kelayakan masuk minimum ke kursus Diploma Pembantu Perubatan adalah SPM 5 kredit. Sehubungan itu, Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 1/2015 yang diadakan pada 6-8 Mac 2015 telah memutuskan supaya penangguhan pelaksanaan perkara ini sehingga Mei 2016 dikekalkan kecuali bagi kursus Diploma Kejururawatan dan Diploma Pembantu Perubatan.

4. Oleh yang demikian, pihak Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) diminta untuk mematuhi perkara ini dan perlu bersedia untuk melaksanakan penguatkuasaan syarat kelayakan masuk peringkat Diploma menggunakan SPM dengan 5 kredit bagi semua program Sains Perubatan dan Kesihatan selepas tempoh penangguhan tamat.

5. Surat jabatan ini JPT/GS 1000-617 Jld. 1 (7) bertarikh 31 Disember 2014 adalah terbatal.

6. Keperihatinan dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan mengenai perkara ini amat dihargai dan kami dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PROF. DR. ASMA BINTI ISMAIL)

Ketua Pendaftar
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

Menteri Pendidikan Malaysia

Menteri Pendidikan Malaysia II

Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan(SUSK)
YB. Menteri Pendidikan Malaysia II

Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Bahagian
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Menara PKNS-PJ
17, Jalan Yong Shook Lin, Seksyen
746050 Petaling Jaya, Selangor

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pinjaman Negara(PTPTN)
Lot G2, Tingkat Bawah
Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

Setiausaha
Lembaga Pembantu Perubatan
Aras 2, Blok E1, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Lembaga Jururawat Malaysia
Aras 3, Blok E1, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan